

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan, anda ditugaskan untuk menghasilkan semula **SATU (1)** reka bentuk poster mempromosikan produk makanan segera di Malaysia. Anda bebas menentukan produk makanan segera yang ingin dipromosikan. Anda juga bebas menentukan imej dan maklumat yang bersesuaian untuk digunakan dalam menyampaikan promosi produk tersebut. Anda perlu menggunakan strategi kreatif dan teknik persembahan reka bentuk pengiklanan yang bersesuaian untuk menghasilkan media pengiklanan yang berkesan.

CLO 3

Reka bentuk media pengiklanan yang perlu dihasilkan adalah poster bersaiz A4 (orientasi potret). Reka bentuk poster yang dihasilkan juga mestilah mengandungi elemen tipografi, warna dan rekaletak yang menepati prinsip reka bentuk serta tidak menyentuh sensitiviti sesuatu syarikat atau jenama produk. Proses menghasilkan pembentangan ini perlu berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

a) Hasilkan semula idea dan konsep reka bentuk pengiklanan. (P2)

i) Tunjukkan lakaran *thumbnail*

(10 markah)

ii) Tunjukkan lakaran semi-komprehensif

(10 markah)

iii) Tunjukkan lakaran komprehensif

(10 markah)

b) Hasilkan semula reka bentuk pengiklanan. (P3)

i) Tetapan komposisi teks dalam reka bentuk pengiklanan.

- *Headline*
- *Subheadline*
- *Body copy/body text*
- *Tagline*
- *Baseline*

(10 markah)

ii) Tetapan kriteria ilustrasi iklan yang sesuai.

- Tema iklan
- Menarik Perhatian
- Keaslian dan kreatif

(15 markah)

iii) Tetapan warna sesuai dan menepati konsep.

(10 markah)

iv) Tetapan kandungan reka bentuk pengiklanan.

- Tajuk
- Cogan kata
- Ilustrasi
- Rangka reka
- Logo
- Nama dan alamat
- Warna

(15 markah)

c) Tunjukkan hasil akhir. (P3)

i) Tetapan dokumen yang tepat dan kemas.

- Saiz
- Format
- Warna
- Nama Dokumen

(5 markah)

ii) Paparkan hasil akhir pada platform digital mengikut arahan ditetapkan

(5 markah)

iii) Gunakan media pembentangan yang sesuai.

(10 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab